



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**32 KELOMPOK MINYAK SAWIT MAMPAN (SPOC) MELIBATKAN 37,945 ORANG
PEKEBUN KECIL DI SARAWAK TELAH TERIMA PENSIJILAN MINYAK SAWIT
MAMPAN (MSPO)**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah merasmikan Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Asajaya Berhad serta menyempurnakan Sesi Sembang Santai Bersama Pekebun Kecil Sawit sempena Trek Komoditi 2023 Zon Sarawak anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi yang diadakan di Kampung Seruyuk, Sebuyau, Sarawak.

Sebanyak 32 Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) di negeri Sarawak telah menerima Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) membabitkan 37,945 orang pekebun kecil dengan keluasan 213,607.51 hektar. Bagi kawasan Asajaya, sebanyak dua (2) SPOC telah mendapat Pensijilan MSPO melibatkan seramai 2,645 orang pekebun kecil persendirian dengan keluasan 14,537.29 hektar.

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyalurkan pelbagai bantuan kepada pekebun kecil sawit persendirian, antaranya Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS), Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS), Skim Insentif Integrasi Tanaman (ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan (ITe).

Sehingga September 2023, 69 buah pusat timbang telah siap dibina sepenuhnya di seluruh negara dengan jumlah urusniaga Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 332,633.25 tan. Purata jualan BTS bagi sebuah pusat timbang adalah 401 tan sebulan.

KPSM Daerah Asajaya Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2013 telah memulakan jualan BTS pada bulan Januari 2023 dengan bilangan keahlian seramai 118 orang. KPSM ini telah mencatatkan peningkatan jualan BTS yang mencecah 6,531.31 tan sehingga September 2023.

Di Sarawak, seramai 46,325 orang pekebun kecil mengusahakan kebun sawit menjadikan purata milik kawasan tanaman sawit bagi setiap pekebun kecil di Sarawak adalah seluas 5.5 hektar.

MPOB telah membuka 13 Pejabat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) di seluruh Sarawak iaitu di Bau, Sessang, Betong, Sarikei, Serian, Sri Aman, Mukah, Sibu, Miri, Limbang, Batu Niah, Bintulu dan Sibuti yang menyediakan khidmat nasihat penanaman sawit dan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil.

Kementerian melalui MPOB juga sedang mempergiat usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan pekebun-pekebun kecil sawit bagi mematuhi prinsip-prinsip kemampanan Pensijilan MSPO yang merupakan langkah strategik untuk meningkatkan imej industri sawit negara di peringkat global.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
25 NOVEMBER 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perlindungan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my